

13/06/2003

Jangan gadaikan negara (HL)

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat khususnya bangsa Melayu, jangan sekali-kali menggadaikan negara ini, walaupun seinci tanah kepada orang asing.

Perdana Menteri menegaskan, rakyat tidak patut menyerahkan apa-apa pun kepada sesiapa pun kerana Malaysia adalah satu-satunya negara mereka. Jika

ia diserahkan, mereka tidak akan memiliki negara sendiri.

"Jangan sekali-kali menyerahkan apa pun, walaupun sebesar belulang lembu. Ia mungkin nampak kecil tetapi orang boleh mencari jalan untuk menjadikannya lebih besar," katanya ketika berucap melancarkan buku mengenai Datuk Onn Jaafar Reflections of Pre-Independence Malaya di sini, semalam.

Buku tulisan Datuk Mohamed Abid itu menceritakan detik bersejarah Datuk Onn sebagai pejuang kemerdekaan Tanah Melayu yang juga pengasas dan presiden pertama Umno.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali;

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood serta beberapa menteri Kabinet.

Sambil mengajak rakyat belajar daripada sejarah, Dr Mahathir berkata, orang Melayu dulu (pada zaman penjajahan British) menyerahkan kemerdekaan negara dengan mudah, malah suka British mengambil alih pentadbiran negara.

Sehubungan itu, katanya, orang Melayu memerlukan pejuang seperti Datuk Onn untuk menyedarkan mereka perlunya negara dimerdekakan dan anak tempatan mentadbir tanah air sendiri.

"Saya harap dengan rekod sejarah ini, Melayu kini dan akan datang tahu yang anda tidak boleh menyerahkan apa juga kepada sesiapa. Ini adalah satu pengajaran daripada sejarah. Jika kita bagi tanah kita kepada orang, kita tidak akan mempunyai negara sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata, sejarah sudah membuktikan bahawa apabila sebidang tanah kecil diserahkan kepada penjajah, mereka menerimanya dengan senang hati dan terus mengambil lebih daripada apa yang diberikan.

"Pada masa itu, saya selalu merungut bagaimana Melayu (zaman dulu) senang-senang menerima apa yang digelar British sebagai pelindung politik dan memberi peluang kepada mereka mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu," katanya.

Mengimbas sumbangan Datuk Onn kepada bangsa Melayu, Dr Mahathir berkata tokoh kelahiran Johor itu menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu

Bersatu

(Umno) untuk memperjuangkan nasib bangsa Melayu dengan menentang British dan Malayan Union.

"Datuk Onn sememangnya seorang lelaki yang hebat. Biarpun ramai nasionalis lain seperti Datuk Bahaman, Mat Kilau dan Hang Tuah, mereka ini

bukan secara langsung memperjuangkan nasib Melayu kecuali Datuk Onn.

"Selepas Umno ditubuhkan, lama kelamaan British `give up Malayan Union dan menyerahkan (politik) kepada Melayu," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, Datuk Onn bergerak terlalu pantas bagi

orang Melayu ketika itu sehingga mereka tidak dapat menerima cadangannya untuk membawa masuk bangsa lain ke dalam Umno.

Cadangan Datuk Onn itu kemudiannya dilaksanakan Tunku Abdul Rahman dengan melaksanakan satu sistem lain bagi membawa masuk bangsa lain bersatu dengan orang Melayu.

"Akhirnya, Datuk Onn meninggalkan Umno dan inilah serpihan pertama yang

berlaku dalam parti. Memang ada serpihan lain selepas itu tetapi saya harap, tidak akan ada lagi kerana serpihan (dari Umno) ini akan hanya memakan dan memusnah Melayu sendiri," katanya.

Perdana Menteri turut menegur pakar-pakar sejarah supaya membuat lebih banyak penyelidikan dan buku mengenai perjuangan pemimpin terdahulu.

Pada

masa sama, lakaran sejarah juga perlu direkodkan mulai sekarang kerana apa

yang berlaku hari ini akan menjadi catatan masa depan.

Sementara itu, ketika ditemui Dr Mahathir menjelaskan ingatannya kepada

Melayu dan rakyat Malaysia untuk tidak menggadaikan negara hanyalah satu rayuan biasa daripadanya.